



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERHORMAT DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN ANUGERAH PERDANA
RUKUN TETANGGA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023**

5 NOVEMBER 2023 (AHAD)

8.30 MALAM

**BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE
SELANGOR**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kerana kita dapat berkumpul malam ini di Bangi Avenue Convention Centre bersempena **Majlis Anugerah Perdana Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2023** yang penuh gilang gemilang.
2. Saya difahamkan, selain daripada warga Rukun Tetangga, majlis pada malam ini turut dihadiri oleh **Friends of Unity (FoU)** yang sentiasa bersama-sama dengan Kementerian dan Jabatan untuk menjayakan agenda perpaduan nasional di Malaysia. Kini terdapat sebanyak **88 Friends of Unity (FoU)** yang berdaftar bersama Kementerian Perpaduan Negara.
3. Bagi saya, majlis ini bukan sahaja merupakan majlis anugerah semata-mata, tetapi lebih daripada itu majlis ini menjadi **tapak integrasi yang mempertemukan kita semua** dari seluruh Malaysia setelah sekian lama kita tidak dapat berhimpun sebagai sebuah **Keluarga Perpaduan**.
4. Selain itu, sudah pasti majlis ini amat dinanti-nantikan oleh warga Rukun Tetangga khususnya KRT-KRT yang telah berjaya menjadi finalis iaitu di kedudukan lima (5) yang terbaik bagi setiap kategori bagi anugerah Rukun Tetangga pada tahun ini. Namun, apa jua pun

keputusannya, tuan-tuan dan puan-puan tetap menjadi juara dalam komuniti masing-masing.

KEPENTINGAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI JENTERA PERPADUAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Rukun Tetangga adalah merupakan **Organisasi Berasaskan Komuniti (OBK)** atau **Community Based Organization (CBO)** yang ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1975 yang bertujuan untuk memastikan keselamatan komuniti pada masa itu.
6. Kini setelah **48 tahun penubuhannya**, Rukun Tetangga telah mengalami banyak transformasi dari segi fungsi dan tugasnya khususnya di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 yang meletakkan tanggungjawab Rukun Tetangga sebagai peneraju keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian dalam komuniti.
7. Difahamkan bahawa permintaan komuniti untuk menubuhkan KRT sentiasa ada dan ini merupakan petunjuk tentang kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap perihal pentingnya peranan Rukun Tetangga. Kementerian telah memperkasakan peranan dan memperluaskan akses komuniti dalam KRT menerusi pewujudan enam kelompok komuniti mengikut perkembangan zaman, berimpak tinggi dan bersasar mengikut umur. Platform ini melibatkan **Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas, Tunas Jiran, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Skuad Uniti** di bawah **Jawatankuasa KRT**.

8. Dalam menjadikan KRT sebagai **pemangkin komuniti progresif**, KPN telah menjajarkan 3 inisiatif *Quickwin 2023* yang dapat memberi manfaat terus kepada komuniti. Tumpuan telah diberikan kepada kepada **tiga bidang utama iaitu:**
- **Cakna Ekonomi Komuniti (Ekonomi dan Sara Hidup) dan**
 - **Pendidikan Berkualiti untuk Semua (Pendidikan),**
 - **RT Cares(Kesejahteraan dan Kualiti Hidup).**

Hadirin yang dihormati sekalian,

EKONOMI KOMUNITI

9. Dalam melestarikan semangat komuniti yang progresif, KPN telah melaksanakan Projek Ekonomi Komuniti KRT memberi tumpuan ke arah menjana pendapatan dan membantu mengurangkan kos sara hidup komuniti Rukun Tetangga. Ikhtiar ini dipergiatkan dan menjadi salah satu strategi memantapkan peranan KRT untuk memperkasakan ekonomi komuniti Rukun Tetangga dalam Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021 – 2030. Usaha ini selari dengan seruan Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri iaitu untuk **membantu mengatasi masalah kos sara hidup rakyat yang terkesan berikutan keadaan ekonomi global** yang begitu serius tahun ini.
10. Projek Ekonomi Komuniti KRT ini merangkumi **Kebuniti MADANI KRT, Projek Akuagro, Penternakan, Produk Makanan dan Minuman, Projek berasaskan Kraftangan, Community Based Tourism (CBT) dan perkhidmatan.**

11. Antara contoh KRT yang berjaya meningkatkan sumber pendapatan sekaligus memberi impak kepada pembangunan sosio adalah:

- **Projek Ekonomi Komuniti Kawasan Rukun Tetangga Telaga Batin**, Kuala Nerus telah menjalani fertigasi cili dan timun. Pendapatan bagi tahun 2022 adalah RM 99,000 manakala pendapatan sehingga September 2023 adalah RM 40,850.
- Saya turut melawat dan melihat sendiri aktiviti ekonomi berteraskan “community based tourism” yang dilaksanakan oleh **KRT Kilim Geopark** pada 7 Julai 2023. KRT ini telah berkerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Yayasan Sukarelawan Siswa dalam meningkatkan kemahiran perniagaan dan kualiti perkhidmatan.
- **Projek Ekonomi Komuniti Kawasan Rukun Tetangga Taman Pancasila A**, Kulai yang menjalankan aktiviti akuakultur seperti penternakan ikan-ikan air tawar.
- **Projek Ekonomi Komuniti Kawasan Rukun Tetangga Seri Perlis 2**, Kuala Lumpur yang menjalankan aktiviti produk makanan iaitu coklat homemade. KRT berjaya mendapat keuntungan sebanyak RM 18,183 pada tahun 2022.

12. Diharapkan ikhtiar-ikhtiar yang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara akan memberikan nilai tambah kepada kelangsungan hidup rakyat Malaysia dalam menyokong inisiatif baharu Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat yang akhirnya bakal menjadikan Malaysia sebuah negara paling aman, dan harmoni.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PEMERKASAAN KRT SEBAGAI PENGGERAK MASYARAKAT PROGRESIF

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Semasa pembentangan Belanjawan 2024 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023 lalu, peranan dan kefungsian KRT terus diakui dan diiktiraf oleh Kerajaan. Dalam pembentangan tersebut, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM20 juta** untuk memperkasakan peranan KRT seperti berikut:

*“Bagi memupuk perpaduan dalam kalangan komuniti, **20 juta ringgit disediakan untuk memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan rakyat dan penyebaran maklumat”.*

14. Terima kasih diucapkan kepada kerajaan dan YAB Perdana Menteri di atas peruntukan yang disediakan ini. Saya amat berharap agar peruntukan ini dapat dimanfaatkan dengan cekap dan optimum bagi memenuhi aspirasi Kerajaan untuk menjadikan **KRT sebagai Penggerak Masyarakat Progresif**.

15. Bagi menterjemahkan aspirasi ini, maka saya berharap agar KRT di seluruh negara dapat menyahut cabaran ini dan menjadikannya sebagai gagasan dan realiti. Di sini saya ingin tegaskan bahawa KRT Penggerak Masyarakat Progresif **bukan sekadar slogan**, tetapi suatu gagasan dan matlamat untuk kita capai bersama.

KRT PEMACU PAYUNG RAHMAH

16. **Konsep Payung Rahmah** adalah antara inisiatif Kerajaan Perpaduan dengan **sasaran jangka pendek dalam Ekonomi MADANI** yang telah digerakkan bagi menangani isu-isu segera yang berhubung nasib rakyat terutama berkaitan kos sara hidup.
17. **Program Komuniti Rahmah adalah antara inisiatif Kementerian Perpaduan Negara** dalam merealisasikan usaha Kerajaan Perpaduan membangun Malaysia MADANI. Inisiatif ini dirangka dengan menekankan kepada pemupukan nilai-nilai kemanusiaan seperti ihsan, kasih sayang, peduli, hormat menghormati, toleransi dan penerimaan antara satu sama lain.
18. Konsep Komuniti Rahmah seharusnya disegarkan dalam perspektif yang positif dan produktif serta melangkaui kepelbagaian yang ada. Melalui penerapan nilai-nilai tersebut, Malaysia mampu membina satu ekosistem yang harmoni dan sejahtera serta memacu Malaysia ke arah kecemerlangan.

19. Pada tahun 2023 (sehingga September) Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah melaksanakan:

- **14 Dapur Rahmah (Dapur Komuniti)**
- **11,530 sumbangan Bakul Rahmah**
- **2,504 Ziarah Rahmah**
- **4,889 Program Gerak Rahmah: Jom Sihat**
- **3,214 Program Gerak Rahmah: Jom Ronda SRS**
- **4,004 Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk**
- **4,854 Program Gerak Rahmah: Jom Bersih dan Indah**

20. Selain itu, antara pencapaian utama yang melibatkan KRT bagi tahun ini adalah pelaksanaan **Program Tuisyen KAMI di 50 lokasi seluruh negara yang melibatkan 2,450 pelajar B40**. Inisiatif ini telah dilancarkan di KRT Sri Serdang, Selangor. Ia merupakan sebuah program pendidikan tambahan bagi pelajar B40 yang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Hadirin yang dihormati sekalian,

MEMPERKASA PERANAN JIRAN MUDA

21. Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap tahap keaktifan penglibatan dan penghayatan generasi muda dalam program kesukarelawan dalam komuniti setempat. Oleh itu, sebanyak **5,951 kelompok Jiran Muda** telah wujud tepat pada masanya sebagai salah satu kelompok yang memperkasakan **komuniti belia**.
22. Beberapa inisiatif telah digariskan dalam **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** khususnya untuk golongan muda:
 - Penetapan kuota **sekurang-kurangnya 30 peratus anggota dalam Jawatankuasa KRT** dipegang oleh **golongan muda** yang berumur di antara **18 hingga 35 tahun**.
 - **Meningkatkan penglibatan golongan muda sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga** melalui beberapa program seperti Program Pemimpin Muda Lestari, Pemimpin Muda Prihatin, Program *Young, Effective and Smart (YES)*, Jelajah Pemimpin Muda, *Midnight Adventure for Youngsters* serta Pemikir Muda Inovatif dan Kreatif.
23. Sehubungan dengan itu, saya secara peribadi ingin berikan KPI kepada semua pengurus KRT. Di mana, pada tahun 2024 semua **KRT perlu meningkatkan sekurang-kurangnya 30 peratus keahlian Jiran Muda di KRT masing-masing**.

WAY FORWARD

24. Bagi membangunkan sebuah masyarakat yang progresif dan mampan, KRT perlu menjalin dan **memperkuuhkan kerjasama dengan pelbagai pihak iaitu Rakan Strategik Perpaduan atau ‘Friends of Unity’** untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan program dan aktiviti yang dilaksanakan. **KRT tidak boleh bergerak secara silo** dalam komuniti sendiri dalam mengurus dan membangunkan kawasan kejiranan mereka.
25. Antara program yang akan diperkasakan supaya hubungan antara komuniti dapat dikukuhkan dalam menjayakan agenda perpaduan negara seperti digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara adalah:
 - **KRT sebagai Penggerak Masyarakat Progresif:** Dahulu peranan KRT hanya tertumpu kepada keselamatan komuniti (neighbourhood watch) tetapi kini kementerian mengambil langkah untuk memperkasakan KRT dengan memberikan tumpuan kepada lapan (8) aspek iaitu: keselamatan komuniti, pendidikan sepanjang hayat, ekonomi dan sara hidup, daya cipta, alam sekitar, kepimpinan, kesejahteraan komuniti serta warisan dan budaya.
 - **Gerobok Komuniti RAHMAH :** Projek ini bertujuan untuk membantu golongan yang terjejas dengan kos sara hidup yang tinggi untuk mendapatkan keperluan asas mereka. Inisiatif ini melibatkan KRT, Jawatankuasa Penduduk atau organisasi dalam sesuatu komuniti menyediakan makanan dan barang keperluan asas dalam satu-satu tempat atau pusat.

- **RT2U: One Stop Community Centre:** Bermatlamat untuk meningkatkan kecekapan pengurusan isu sosial dalam komuniti serta memperkasakan peranan Rukun Tetangga sebagai Bridge Builder atau sumber rujukan sosial dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan, penyampaian dan penyebaran maklumat kepada komuniti bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan Rukun Tetangga kepada komuniti.
- **Kempen ‘Jiranku Keluargaku’ :** Program ini melibatkan kumpulan sasar yang terdiri daripada penduduk di dalam kawasan kejiran. Program ini bertujuan untuk mewujudkan satu medium interaksi untuk saling kenal mengenali, tolong-menolong dan bertolak ansur selari dengan peningkatan semangat kejiran.

PENGHARGAAN KEPADA PEMENANG ANUGERAH PERDANA RUKUN TETANGGA 2023

26. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada semua pemenang Anugerah Perdana Rukun Tetangga pada tahun ini. Anugerah Perdana Rukun Tetangga yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada KRT yang cemerlang ini diharap dapat menyuntik dan melonjakkan semangat seluruh warga KRT untuk terus menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti masing-masing.

27. KRT yang cemerlang dan memenangi anugerah pada malam ini perlu dijadikan sebagai ***role model*** dan **rujukan** kepada KRT-KRT yang lain.

PENUTUP

28. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir pada malam ini khususnya kepada semua Kementerian dan agensi, NGO serta pihak swasta yang menjadi rakan strategik perpaduan kami. Dengan penuh sukacitanya, saya dengan ini merasmikan: **Majlis Anugerah Perdana Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan 2023.**

Sekian, Terima Kasih.